

**Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Tahun Akhir :  
Pengaruh Ketidakfungsian Keluarga dan Kesan Penggunaan Media Sosial**  
(*Drug Abuse Propensity among Final-Year University Students: The Influence of Family Dysfunction and  
the Effects of Social Media Use*)

Nur Edriena Nafisa Mohd Hamdan & Ezarina Zakaria\*

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [ezaz@ukm.edu.my](mailto:ezaz@ukm.edu.my)

Diserah: 08 Januari 2026 / Diterima: 18 Mei 2026

**Abstrak.** Ketidakfungsian keluarga dan pengaruh media sosial dikenal pasti sebagai faktor yang berpotensi meningkatkan kecenderungan belia terhadap tingkah laku berisiko termasuk penyalahgunaan dadah. Namun, kajian yang meneliti secara khusus pengaruh kedua-dua faktor tersebut terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa universiti masih terhad dan kurang mendapat perhatian dalam konteks pendidikan tinggi. Sehubungan itu, satu kajian tinjauan untuk meneliti hubungan dan pengaruh antara faktor ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial, dan kecenderungan penyalahgunaan dadah telah dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif, dan pengumpulan data dilakukan melalui edaran borang soal selidik. Kajian mengadaptasi instrumen Family Assessment Device (FAD) dan Social Networking Addiction Scale (SNAS). Manakala instrumen mengukur kecenderungan penyalahgunaan dadah dibangunkan sendiri oleh pengkaji daripada kajian terdahulu. Seramai 125 orang pelajar universiti telah dipilih menerusi pensampelan mudah. Analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ketidakfungsian keluarga dan kecenderungan penyalahgunaan dadah ( $r = .380, p < .05$ ), manakala tiada hubungan signifikan ditemui antara kesan penggunaan media sosial dan kecenderungan penyalahgunaan dadah ( $r = -.104, p > .05$ ). Seterusnya, hasil analisis regresi pula mendapati ketidakfungsian keluarga mempunyai pengaruh langsung yang signifikan terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah ( $\beta = .380, p < .01$ ). Kajian ini menekankan kepentingan pelaksanaan intervensi yang menfokuskan kepada kedua-dua penguatkuasaan fungsi keluarga dan pendidikan literasi digital secara serentak sebagai strategi pencegahan. Implikasi kajian ini mengetengahkan kepentingan pelaksanaan program saringan dan pencegahan tingkah laku berisiko dadah yang lebih dinamik dalam konteks universiti khususnya dan pengajian tinggi amnya.

**Kata kunci** kecenderungan penyalahgunaan dadah; ketidakfungsian keluarga; media sosial; mahasiswa; strategi pencegahan.

**Abstract.** Family dysfunction and social media influence may increase young people's susceptibility to risky behaviours, including drug abuse. However, studies examining the influence of these two factors on university students' drug abuse propensity are limited and remain underexplored in higher education. This survey study examined relationships among family dysfunction, effects of social media use, and drug abuse propensity. The quantitative approach used a questionnaire survey. The study adapted the Family Assessment Device (FAD) and the Social Networking Addiction Scale (SNAS) as measurement tools. The instrument used to assess drug abuse propensity was developed by the researchers based on past studies. A total of 125 university students were selected through convenience sampling. Findings showed a significant positive relationship between family dysfunction and drug abuse propensity ( $r = .380, p < .05$ ). No significant relationship was found between social media use and drug abuse propensity ( $r = -.104, p > .05$ ). Regression analysis indicated that family dysfunction had a significant direct influence on drug abuse propensity ( $\beta = .380, p < .01$ ). This study

*highlights the need for preventive interventions that strengthen family functioning and promote digital literacy. The findings emphasise the need for more dynamic screening and prevention programmes targeting drug-related risk behaviours in university settings and the broader higher education sector.*

**Keywords** *Drug abuse propensity; family dysfunction; social media; university students; prevention strategies.*

## Pengenalan

Penyalahgunaan dadah secara umumnya ditakrifkan sebagai penggunaan bahan psikoaktif merangkumi dadah, alkohol, serta ubat-ubatan preskripsi yang diambil tanpa keperluan perubatan secara berlebihan dan berbahaya (Zar Tun, 2025). Penyalahgunaan ini melibatkan bahan kimia yang menjejaskan kesihatan fizikal, emosi dan tingkah laku pengguna, sehingga menjurus kepada kemerosotan fungsi sosial secara ketara (Phyu Aye, 2025). Dalam konteks perundangan Malaysia, dadah diklasifikasikan sebagai bahan semula jadi atau sintetik yang tersenarai di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952. Penggunaan secara tidak sah dikira sebagai salah guna yang mengakibatkan perubahan drastik pada *mood* dan persepsi individu (AADK, 2024). Penyalahgunaan dadah sering kali berkembang menjadi penyakit kronik yang bersifat relaps. Pada tahap relaps, pengguna menunjukkan tingkah laku kompulsif untuk mendapatkan bahan tersebut meskipun menyedari impak buruknya (Phyu Aye, 2025). Bagi golongan pelajar berumur remaja serta belia khususnya, aktiviti ini kerap bermula daripada perasaan ingin tahu, tekanan rakan sebaya atau pendedahan melalui media dan internet yang memaparkan gaya hidup tersebut secara positif (Zar Tun, 2025) sedangkan ia jelas menyalahi undang-undang. Kitaran ketagihan ini amat berbahaya kerana ia berlaku semasa tahap kritikal perkembangan otak pelajar, seterusnya mengakibatkan kesan jangka panjang seperti kerosakan organ serta kerugian ekonomi yang besar kepada negara akibat kehilangan produktiviti belia (AADK, 2024).

Statistik menunjukkan penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia semakin membimbangkan. Berdasarkan laporan rasmi Information on Drugs 2024 oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), statistik penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia menunjukkan trend peningkatan yang ketara dengan jumlah keseluruhan meningkat daripada 145,526 individu pada tahun 2023 kepada 192,857 individu pada tahun 2024. Bagi belia dalam kumpulan umur 20 hingga 24 tahun, statistik mencatatkan peningkatan daripada 15,171 orang pada tahun 2023 kepada 17,627 orang pada tahun 2024, manakala kumpulan umur 25 hingga 29 tahun menunjukkan angka yang lebih besar iaitu 29,955 orang bagi tahun yang sama. Dari aspek latar belakang pendidikan, majoriti individu yang terlibat memiliki tahap pendidikan sehingga SPM/SPMV atau setaraf (70,102 orang), diikuti oleh PMR atau setaraf (42,545 orang) dan mereka yang tidak mempunyai pendidikan formal (58,659 orang). Walaupun penglibatan belia yang mempunyai pendidikan tinggi adalah lebih rendah secara relatif, data tahun 2024 menunjukkan seramai 3,098 pemegang Diploma dan 817 pemegang Ijazah Sarjana Muda/Sarjana/PhD tetap direkodkan dalam statistik penagihan tersebut. Pada suku pertama 2025 sahaja, dilaporkan lebih 500 individu yang ditahan mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda ke atas. Angka ini menggambarkan terdapat trend peningkatan penagihan dalam kalangan mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi. Analisis awal menunjukkan bahawa golongan ini cenderung menggunakan dadah jenis *stimulant* (ATS) seperti syabu dan pil kuda yang merangkumi 82.3% daripada keseluruhan kes. Trend penagihan melibatkan pelajar pengajian tinggi yang semakin meningkat berkemungkinan berpunca daripada tindakan mahasiswa menyalahgunakan bahan sebagai cara keluar daripada tekanan akademik, serta pengaruh persekitaran sosial. Mahasiswa, khususnya yang berada di tahun akhir pengajian sering berhadapan dengan tekanan beban tugas, penyelidikan yang semakin mencabar serta kebimbangan terhadap kerjaya masa depan. Semua faktor ini boleh mendorong sesetengah mahasiswa menyalahguna dadah sebagai mekanisme daya tindak yang tidak sihat (Hadijah Baba, 2021; Mahyuddin et al., 2019).

Selain cabaran menyelesaikan pengajian mengikut keperluan universiti, salah satu faktor utama yang berpotensi mendorong kepada kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa adalah ketidakefektifan keluarga. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa mahasiswa yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang tidak stabil, sering berhadapan dengan konflik, komunikasi yang lemah serta

kekurangan sokongan emosi, lebih cenderung mengalami tekanan psikologi yang tinggi. Akibatnya, mereka lebih berisiko terlibat dalam tingkah laku berbahaya, termasuk penyalahgunaan dadah (Coyer, 2001; Velleman et al., 2005a; 2005b ; Zakaria et al., 2022). Dalam keadaan seperti ini, keluarga gagal berfungsi sebagai sistem sokongan yang kukuh untuk membantu mahasiswa mengurus tekanan kehidupan dan cabaran akademik yang dihadapi.

Dalam kajian ini, ketidakfungsian keluarga ditakrifkan secara operasional sebagai tahap kelemahan dalam fungsi sistem keluarga (Chiang et al., 2025 ; Demetriou, 2025 ; Adebayo & Balogun-Agbaje, 2025; Lindert et al., 2025). Konsep ini diukur menggunakan instrumen Family Assessment Device (FAD) yang dibangunkan berdasarkan McMaster Model of Family Functioning. Instrumen ini menilai enam dimensi utama fungsi keluarga iaitu penyelesaian masalah, komunikasi, peranan keluarga, respons afektif, penglibatan afektif dan kawalan tingkah laku. Skor yang lebih tinggi pada dimensi-dimensi ini menunjukkan tahap fungsi keluarga yang lebih lemah sekaligus mencerminkan tahap ketidakfungsian keluarga yang lebih tinggi. Selain itu, ketidakfungsian keluarga juga boleh ditentukan melalui dimensi yang diukur berasaskan keseimbangan dalam dua komponen utama sistem keluarga iaitu kohesi dan fleksibiliti serta empat pola ketidakseimbangan iaitu keterasingan emosi, keterikatan berlebihan, struktur keluarga yang kaku dan sistem keluarga yang tidak teratur atau huru-hara. Dalam konteks ini, keluarga yang menunjukkan tahap kohesi dan fleksibiliti yang rendah atau berada dalam pola ketidakseimbangan seperti keterasingan emosi dan sistem keluarga yang tidak teratur atau huru-hara ditafsirkan sebagai mempunyai tahap fungsi keluarga yang rendah (Demetriou, 2025). Oleh itu, bagi konteks kajian ini ketidakfungsian keluarga secara operasional merujuk kepada skor yang menunjukkan tahap komunikasi yang lemah, konflik yang tinggi, hubungan emosi yang tidak seimbang, serta ketidakupayaan sistem keluarga untuk menyesuaikan diri secara adaptif.

Seterusnya, penyalahgunaan dadah turut dipengaruhi oleh faktor luaran seperti pengaruh media sosial. Kesan penggunaan media sosial merujuk kepada pelbagai implikasi yang timbul daripada interaksi individu dengan platform rangkaian sosial dalam talian, yang boleh memberikan kesan positif mahupun negatif terhadap kehidupan sosial dan psikologi individu. Dari sudut positif, media sosial memudahkan komunikasi, mempercepatkan perkongsian maklumat serta mengeratkan hubungan sosial merentasi sempadan geografi. Melalui platform ini, individu dapat berhubung dengan keluarga, rakan dan masyarakat secara lebih pantas melalui pelbagai bentuk komunikasi digital seperti mesej segera, panggilan video dan perkongsian maklumat dalam talian. Namun demikian, penggunaan media sosial yang berlebihan boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif seperti ketagihan penggunaan, gangguan privasi, tekanan psikologi serta pengurangan interaksi bersemuka yang penting dalam pembinaan hubungan sosial yang sihat. Keadaan ini selaras dengan konsep ketagihan tingkah laku yang menjelaskan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan boleh berlaku apabila individu mula memberi keutamaan tinggi kepada aktiviti tersebut, memerlukan tempoh penggunaan yang semakin meningkat, mengalami ketidakselesaan emosi apabila tidak dapat mengaksesnya, serta berdepan konflik dengan aktiviti harian atau hubungan sosial. Keadaan ini akhirnya mendorong individu untuk terus kembali menggunakan media sosial secara berlebihan walaupun menyedari kesan negatifnya (Shahnawaz & Rehman, 2020).

Dalam konteks ini, media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, tetapi juga berpotensi menjadi sumber tekanan psikologi apabila penggunaannya tidak dikawal dengan baik. Gangguan terhadap keseimbangan emosi dan mental boleh meningkatkan risiko masalah psikologi seperti kebimbangan dan kemurungan (Nasrullah, 2016). Sebagai contoh, individu yang sering membandingkan kehidupan mereka dengan gambaran ideal yang dipaparkan di media sosial boleh mengalami perasaan terasing, rendah diri dan tekanan emosi. Keadaan ini seterusnya boleh menimbulkan konflik interpersonal serta kesukaran dalam pengawalan diri yang akhirnya meningkatkan kerentanan individu terhadap pelbagai tingkah laku berisiko termasuk penyalahgunaan dadah. Dalam kajian ini, pemboleh ubah kesan penggunaan media sosial diukur menggunakan Social Networking Addiction Scale (SNAS). Instrumen ini menilai tahap kebergantungan individu terhadap penggunaan rangkaian sosial melalui beberapa indikator seperti keinginan yang kuat untuk sentiasa berada dalam talian, kesukaran mengawal tempoh penggunaan media sosial, gangguan terhadap aktiviti harian serta perubahan emosi atau mood apabila individu tidak dapat mengakses media sosial. Skor

keseluruhan diperoleh melalui penjumlahan skor bagi semua item. Skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap ketagihan media sosial yang lebih tinggi.

#### *Pengaruh Ketidakfungsian Keluarga Terhadap Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah*

Ketidakfungsian keluarga memainkan peranan utama dalam mempengaruhi tingkah laku berisiko, termasuk kecenderungan penyalahgunaan dadah. Kajian oleh Khalid et al. (2020) menunjukkan bahawa konflik keluarga dan komunikasi yang lemah menyebabkan anak-anak berasa terasing dan kurang mendapat sokongan emosi yang diperlukan untuk perkembangan psikologi mereka. Selain itu, gaya keibubapaan yang tidak konsisten seperti yang diperhatikan oleh Mohd Yusof et al. (2020), boleh menimbulkan kekeliruan dalam membuat keputusan harian serta mengurangkan keupayaan individu untuk mengenal pasti sempadan tingkah laku yang sihat. Keadaan ini menjadikan anak-anak lebih terdedah kepada pengaruh negatif, terutamanya daripada rakan sebaya yang terlibat dalam tingkah laku berisiko. Norulhuda Sarnon et al. (2017) turut menegaskan bahawa kekurangan sokongan emosi dari keluarga boleh menghalang perkembangan psikologi yang sihat. Dalam keadaan tekanan yang berpanjangan tanpa sistem sokongan keluarga yang stabil, individu lebih cenderung mencari mekanisme untuk menguruskan tekanan tersebut melalui tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah. Kajian empirikal menunjukkan bahawa persekitaran keluarga yang tidak stabil, konflik keluarga serta kekurangan sokongan emosi boleh meningkatkan kerentanan individu terhadap penggunaan bahan sebagai strategi daya tindak terhadap tekanan psikologi. Sebagai contoh, kajian oleh Quinde Reyes et al. (2025) mendapati bahawa faktor keluarga seperti masalah kesihatan dalam keluarga, keupayaan penyelesaian masalah keluarga yang lemah serta tekanan keluarga merupakan antara faktor yang meningkatkan risiko penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di kawasan berisiko tinggi.

Selain itu, ketidakfungsian keluarga juga sering berkait rapat dengan latar belakang sosioekonomi yang rendah. Keluarga daripada kelompok berpendapatan rendah lazimnya berhadapan dengan tekanan berganda seperti ketidakstabilan pekerjaan, konflik keluarga serta keterbatasan sumber sokongan sosial. Tekanan sosioekonomi ini boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi ibu bapa dan seterusnya mempengaruhi kualiti keibubapaan serta persekitaran perkembangan anak-anak. Dalam kajian mengenai fungsi keluarga dan ketagihan dadah, Zeng dan Tan (2021) mendapati bahawa fungsi keluarga yang lemah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan relaps dalam kalangan individu yang mempunyai masalah ketagihan, sekali gus menunjukkan bahawa sokongan keluarga yang tidak mencukupi boleh meningkatkan risiko keterlibatan berterusan dengan bahan terlarang. Di samping itu, beberapa kajian terkini menekankan bahawa masalah ketagihan dalam keluarga juga memberi kesan meluas terhadap kesejahteraan psikososial ahli keluarga lain. Persekitaran keluarga yang terjejas oleh ketagihan sering dicirikan oleh tekanan emosi, konflik interpersonal serta ketidakstabilan ekonomi yang boleh membentuk persekitaran perkembangan yang tidak kondusif bagi anak-anak. Meta-analisis oleh Kuppens et al. (2020) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang membesar dalam keluarga dengan sejarah penyalahgunaan bahan lebih berisiko mengalami pelbagai masalah psikososial serta meningkatkan kemungkinan mereka terlibat dengan penggunaan bahan pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian-kajian terkini ini menunjukkan bahawa ketidakfungsian keluarga dan tekanan sosioekonomi bukan sahaja memberi kesan kepada kesejahteraan emosi ahli keluarga, tetapi juga berperanan dalam membentuk persekitaran yang meningkatkan pendedahan kepada tingkah laku berisiko termasuk penyalahgunaan dadah. Oleh itu, faktor keluarga perlu diberi perhatian sebagai salah satu komponen penting dalam usaha pencegahan dan intervensi berkaitan penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja dan golongan muda.

#### *Pengaruh Penggunaan Media Sosial Terhadap Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah*

Selain faktor ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku. Media sosial kini menjadi platform utama untuk interaksi sosial dan hiburan. Malahan, terdapat kes di mana media juga menjadi saluran untuk penyebaran kandungan yang berbahaya seperti promosi penggunaan dadah secara tidak langsung dalam normalisasi gaya hidup. Pendedahan kepada kandungan berkaitan dadah di media sosial boleh meningkatkan kecenderungan mahasiswa untuk mencuba dan menggunakan dadah terutamanya apabila kawalan diri individu rendah dan

sistem sokongan keluarga lemah (Moreno et al., 2011; Romer dan Moreno 2017). Apabila media sosial digunakan untuk mempromosikan gaya hidup berisiko tanpa disedari umum, penggunaan dadah dan alkohol kelihatan seperti satu gaya hidup yang boleh diterima khususnya apabila bahan terlarang ini digunakan dalam kuantiti kecil (Ng & Omar, 2019). Interaksi negatif dalam talian seperti buli siber dan pendedahan kepada maklumat tidak tepat juga menyumbang kepada gangguan psikologi serius, yang secara tidak langsung meningkatkan tingkah laku berisiko (Rozanizam, 2023). Disamping itu, walaupun media sosial boleh berfungsi sebagai alat sokongan emosi, namun penggunaannya yang tidak terkawal boleh membawa kepada ketagihan (Hanis Sofiyah, 2024; Naslund et al. 2020). Ketagihan terhadap media sosial menjadi kitaran yang meningkatkan tahap kebimbangan dan tekanan emosi sebelum akhirnya mendorong pula individu mencari jalan penyelesaian melalui penggunaan bahan terlarang.

Apabila membincangkan impak lebih besar, kajian oleh Griffiths dan Kuss (2017) mengenal pasti wujudnya hubungan antara ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial, dan kecenderungan penyalahgunaan dadah. Bagi Griffiths dan Kuss, keterikatan emosi terhadap media sosial dalam kalangan mahasiswa yang menghadapi masalah keluarga boleh meningkatkan kebergantungan terhadap sumber digital yang merangsang tingkah laku devian. Dalam jangka masa panjang, kecenderungan penyalahgunaan dadah yang didorong faktor ketidakfungsian keluarga dan Kesan negative media sosial boleh memberi pelbagai cabaran terhadap kehidupan pelajar universiti. Antara kesan yang sering dilaporkan ialah penurunan prestasi akademik, gangguan kesihatan mental serta pengasingan sosial dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Arria et al. (2013) menunjukkan bahawa penggunaan bahan terlarang dalam kalangan pelajar universiti mempunyai hubungan dengan prestasi akademik yang lebih rendah serta peningkatan risiko kegagalan akademik. Selain itu, penyalahgunaan dadah juga dikaitkan dengan pelbagai masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan tekanan psikologi dalam kalangan pelajar universiti (Skidmore, Kaufman, & Crowell, 2016).

Sekiranya tingkah laku ini berterusan tanpa intervensi atau langkah pencegahan yang berkesan, penyalahgunaan dadah boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kehidupan individu selepas tamat pengajian. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan secara berterusan boleh menjejaskan perkembangan kerjaya, meningkatkan risiko penglibatan dalam tingkah laku jenayah serta menjejaskan fungsi sosial individu dalam masyarakat (Stone et al., 2012). Dalam konteks institusi pengajian tinggi, peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar juga boleh memberi kesan negatif terhadap reputasi dan imej universiti sekiranya isu tersebut tidak ditangani secara sistematik melalui pendekatan pencegahan dan intervensi yang berkesan sebagaimana yang dibuktikan dalam kajian oleh Tuwei (2014), Chie et al. (2015) dan Vasiliou et al. (2021).

#### *Integrasi Teori Ekologi Sistem, Teori Tekanan dan Daya Tindak serta Teori Identiti Sosial*

Pemahaman mengenai kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa bagi konteks kajian ini dibentuk melalui integrasi tiga kerangka teori utama iaitu Teori Ekologi Sistem, Teori Tekanan dan Daya Tindak, serta Teori Identiti Sosial. Teori Ekologi Sistem menekankan bahawa tingkah laku individu dipengaruhi oleh pelbagai lapisan persekitaran yang saling berinteraksi, terutamanya mikrosistem keluarga yang menjadi asas sokongan emosi. Kajian sistematik oleh Nichols et al. (2021) mengesahkan bahawa kestabilan dalam mikrosistem dan mesosistem adalah benteng utama yang menghalang mahasiswa daripada terjebak dengan pengaruh bahan terlarang. Apabila sokongan ini rapuh, individu menjadi lebih rentan terhadap tekanan persekitaran yang negatif.

Sementara itu, Teori Tekanan dan Daya Tindak (Model Transaksional) menjelaskan bahawa cara mahasiswa menilai sesuatu cabaran dan memilih strategi daya tindak akan menentukan sama ada mereka terjebak dalam tingkah laku berisiko. Ini merupakan mekanisme penyelesaian masalah maladaptif. Proses penilaian kognitif ini penting kerana mahasiswa yang gagal membina strategi daya tindak positif lebih cenderung memilih jalan pintas untuk keluar daripada masalah melalui penggunaan bahan terlarang. Malah kegagalan mengurus tekanan secara adaptif di universiti merupakan pemangkin utama kepada peningkatan tingkah laku maladaptif dalam kalangan mahasiswa.

Di samping faktor persekitaran dan psikologi, Teori Identiti Sosial menonjolkan peranan norma kumpulan dalam membentuk identiti individu, terutamanya dalam era digital. Melalui interaksi di media sosial, mahasiswa cenderung menyelaraskan tingkah laku mereka dengan nilai yang dipegang atau dinormalisasikan oleh komuniti digital mereka demi mengekalkan imej diri yang positif. Rosana dan Fauzi (2024) serta Abu et al. (2024) menegaskan bahawa norma kelompok digital sering kali menormalisasikan budaya hedonisme dan penggunaan bahan, yang seterusnya mempengaruhi keputusan mahasiswa untuk mengikut arus kumpulan (in-group) tersebut. Secara keseluruhannya, gabungan perspektif ini membuktikan bahawa kecenderungan penyalahgunaan dadah adalah hasil dinamik antara pengaruh keluarga, keupayaan mengurus tekanan emosi, dan tekanan daripada identiti kelompok dalam ruang maya.

Walaupun hubungan antara ketidakfungsian keluarga dan kecenderungan penyalahgunaan dadah telah banyak dikaji, terdapat jurang dalam pemahaman mengenai bagaimana faktor ini berinteraksi dengan kesan penggunaan media sosial, khususnya dalam kalangan mahasiswa. Kajian terdahulu seperti yang dijalankan oleh Khalid et al. (2020) dan Mohd Yusof et al. (2020) lebih menumpukan kepada dinamika keluarga tanpa menghubungkan kaitkannya dengan kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku berisiko. Begitu juga, faktor penggunaan media sosial mempunyai jurang penemuan yang signifikan. Sebahagian besar kajian terdahulu seperti Hanis Sofiyah et al. (2024) lebih meneliti kesan penggunaan media sosial secara terasing tanpa mengambil kira dinamika keluarga sebagai faktor yang saling mempengaruhi. Kebanyakan kajian tempatan menumpukan kepada aspek kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja atau mahasiswa secara umum (Utami Niki et al., 2024; Nurhamizah & Razali, 2019) dan kurang memberikan tumpuan kepada mahasiswa tahun akhir. Kajian Mahyuddin Arsat dan Azizah Besar (2019), misalnya, hanya melihat mahasiswa di pusat pemulihan tanpa mengkaji secara menyeluruh interaksi antara ketidakfungsian keluarga dan kesan penggunaan media sosial. Jurang masa turut dikenal pasti dalam kajian terdahulu yang tidak mengambil kira perubahan terkini dalam penggunaan media sosial, manakala jurang budaya jelas kelihatan dalam kajian yang kurang mengambil kira norma tempatan dalam hubungan kekeluargaan.

Justeru itu, satu kajian lanjutan diperlukan bagi meneroka secara khusus pengaruh ketidakfungsian keluarga dan kesan penggunaan media sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir. Penemuan daripada kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembentukan intervensi, dasar dan strategi pencegahan yang lebih menyeluruh, kontekstual dan efektif. Artikel ini akan membentangkan dapatan bagi objektif kajian yang bertujuan mengenal pasti pengaruh ketidakfungsian keluarga dan kesan penggunaan media sosial terhadap kecenderungan mahasiswa terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Pengumpulan data dilakukan melalui edaran borang soal selidik secara dalam talian kepada mahasiswa tahun akhir dari beberapa universiti di Malaysia. Kaedah ini dipilih bagi membolehkan data dikumpulkan secara sistematik daripada kumpulan sasaran yang sesuai dengan objektif kajian.

### *Responden Kajian*

Kajian ini melibatkan mahasiswa tahun akhir daripada beberapa universiti di Malaysia sebagai responden. Persampelan mudah digunakan dalam pemilihan responden. Pengkaji menghubungi persatuan mahasiswa universiti yang dipilih untuk membantu dalam proses pemilihan responden semasa pengumpulan data dijalankan. Pendekatan ini bertujuan untuk memperoleh responden yang memenuhi kriteria kajian agar hasil kajian dapat memberikan gambaran mengenai kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir.

Sebanyak 125 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang memenuhi kriteria pemilihan kajian. Kesemua soal selidik berjaya diperoleh semula secara lengkap dan sesuai untuk dianalisis. Oleh itu, kajian ini mencatatkan kadar respons sebanyak 100%, sekaligus menunjukkan tahap kerjasama responden yang sangat baik serta mengurangkan kemungkinan berlakunya bias non-response. Kadar respons yang tinggi

dalam kajian ini berkemungkinan dipengaruhi oleh kaedah pengedaran soal selidik secara dalam talian serta pemantauan bersama wakil persatuan mahasiswa universiti yang terlibat sepanjang proses pengumpulan data.

#### *Prosedur Pengumpulan Data*

Proses pengumpulan data dijalankan dalam tempoh satu bulan. Setelah mendapat kerjasama daripada persatuan mahasiswa universiti yang terlibat, pautan soal selidik diedarkan kepada responden yang memenuhi kriteria kajian. Responden diberikan penerangan ringkas mengenai tujuan kajian dan dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela. Kesemua soal selidik yang diterima telah disemak bagi memastikan kelengkapan maklumat sebelum dianalisis.

#### *Instrumen Kajian*

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian utama iaitu demografi responden, ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial dan kecenderungan penyalahgunaan dadah. Bagi mengukur ketidakfungsian keluarga, pengkaji menggunakan *Family Assessment Device* (FAD) yang dibangunkan oleh Epstein, Bishop dan Levin (1983). Instrumen ini mengandungi empat subskala, iaitu penyelesaian masalah, komunikasi, responsif efektif dan fungsi umum. Gabungan keempat subskala tersebut menghasilkan 29 item soal selidik. Subskala penyelesaian masalah mengandungi lima item, manakala subskala komunikasi dan responsif efektif masing-masing mengandungi enam item. Subskala fungsi umum pula mengandungi 12 item.

Kesan penggunaan media sosial diukur menggunakan *Social Networking Addiction Scale* (SNAS) yang dibangunkan oleh Shahnawaz dan Rehman (2020). Instrumen ini terdiri daripada tiga subskala iaitu modifikasi mood, gejala pengunduran dan konflik. Keseluruhannya, instrumen ini mengandungi 10 item, dengan tiga item bagi subskala modifikasi mood, empat item bagi subskala gejala pengunduran diri, dan tiga item bagi subskala konflik. Manakala, kecenderungan penyalahgunaan dadah diukur menggunakan 12 item yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji berdasarkan sorotan literatur terdahulu berkaitan faktor risiko dan kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia dan mahasiswa. Bagi memastikan kesesuaian kandungan instrumen, item-item yang dibangunkan telah melalui proses semakan penyelia yang mempunyai kepakaran dalam bidang kerja sosial dan penyalahgunaan dadah. Maklum balas yang diterima digunakan untuk menambah baik struktur ayat, kejelasan item dan kesesuaian kandungan sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar. Skala pengukuran yang digunakan bagi semua instrumen ialah skala Likert empat mata, iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = setuju dan 4 = sangat setuju.

#### *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen*

Kesahan kandungan bagi instrumen kecenderungan penyalahgunaan dadah telah ditentukan melalui proses penilaian penyelia sebelum pengumpulan data dijalankan. Penilaian meliputi kesesuaian, kejelasan dan kerelevanan item yang dibangunkan. Cadangan penambahbaikan telah diambil kira sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar.

Tahap kebolehpercayaan instrumen pula dinilai menggunakan pekali Cronbach Alpha. Dapatan menunjukkan bahawa ketiga-tiga instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang baik. Instrumen Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah mencatatkan nilai Cronbach Alpha tertinggi iaitu 0.896, diikuti oleh instrumen Kesan Penggunaan Media Sosial (0.779) dan instrumen Ketidakfungsian Keluarga (0.744). Kesemua nilai tersebut melebihi nilai minimum 0.70 yang lazim diterima dalam penyelidikan sains sosial, sekali gus menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai tahap kestabilan dan konsistensi dalaman yang memuaskan.

#### *Pertimbangan Etika Penyelidikan*

Kajian ini dilaksanakan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan yang melibatkan kerahsiaan dan anonimiti responden. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan mereka diberikan maklumat yang mencukupi mengenai tujuan kajian sebelum menjawab soal selidik. Nama universiti tidak dinyatakan secara

khusus dalam mana-mana bahagian artikel ini. Semua data yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan akademik dan penyelidikan.

### *Prosedur Analisis Data*

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29. Analisis statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi menghuraikan profil responden serta tahap ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial dan kecenderungan penyalahgunaan dadah.

Bagi menjawab objektif kajian yang melibatkan hubungan antara pemboleh ubah, analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara ketidakfungsian keluarga, kesan penggunaan media sosial dan kecenderungan penyalahgunaan dadah. Seterusnya, analisis regresi berganda dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh ketidakfungsian keluarga dan kesan penggunaan media sosial terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir.

## **Hasil Kajian**

Berdasarkan hasil analisis terhadap profil 125 orang responden yang dipilih, 85 orang (68%) adalah mahasiswa perempuan dan seramai 40 orang (32%) adalah lelaki. Manakala bagi taburan mengikut umur, kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 21-23 tahun iaitu seramai 62 orang (49.6%). Responden beragama Islam adalah seramai 83 orang (66.4%), diikuti penganut Kristian seramai 22 orang (17.6%). Bilangan responden bangsa Melayu seramai 83 orang (66.4%), 27 orang (21.6%) lain-lain bangsa, India seramai 9 orang (7.2%) dan 6 orang (4.8%) berbangsa Cina. Responden bagi kajian ini merupakan mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian tahun akhir peringkat Ijazah Sarjana Muda (80.8%), Diploma (10.4%), Doktor Falsafah (8%) dan Sarjana (0.8%).

Analisis deskriptif yang dijalankan bagi mengenalpasti tahap ketidakfungsian keluarga pula menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu sebanyak 72.0% ( $n=90$ ) mempunyai tahap ketidakfungsian keluarga yang sederhana, diikuti oleh tahap tinggi sebanyak 24.8% ( $n=31$ ) dan tahap rendah sebanyak 3.2% ( $n=4$ ). Skor min keseluruhan bagi pemboleh ubah ini adalah 2.22, yang mengukuhkan dapatan bahawa secara purata, ketidakfungsian keluarga dalam kalangan mahasiswa tahun akhir berada pada tahap sederhana. Inventori yang merangkumi subskala penyelesaian masalah, komunikasi, responsif efektif, dan fungsi umum ini mencerminkan variasi dinamika domestik yang dialami oleh responden dalam konteks kehidupan mereka.

Bagi analisis deskriptif ke atas kesan penggunaan media sosial, kajian mendapati majoriti besar mahasiswa (84.8%,  $n=106$ ) berada pada tahap sederhana, manakala 12.8% ( $n=16$ ) melaporkan kesan pada tahap tinggi dan hanya 2.4% ( $n=3$ ) pada tahap rendah. Nilai skor min sebanyak 2.10 menunjukkan bahawa pengaruh media sosial terhadap responden adalah tekal pada tahap sederhana. Penilaian yang merangkumi dimensi modifikasi *mood*, gejala pengunduran dan konflik ini menunjukkan bahawa media sosial memberikan impak yang signifikan namun masih terkawal terhadap kesejahteraan psikosial mahasiswa tahun akhir.

### *Hubungan antara Ketidakfungsian Keluarga dengan Kecenderungan Mahasiswa Tahun Akhir Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah*

Analisis Korelasi Pearson telah dilaksanakan untuk mengenal pasti kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar pada aras kesignifikanan  $p < 0.05$  dan  $p < 0.01$ .

*Jadual 1.* Hubungan Ketidakfungsian Keluarga dengan Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah

<b>Variasi</b>	<b>N</b>	<b>Nilai r</b>	<b>Sig</b>
Ketidakfungsian Keluarga	125	.380**	0.01
Kecenderungan Penyalahgunaan Dadah			

\*\*Signifikan pada aras 0.01

Berdasarkan Jadual 1, hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan linear yang signifikan dan positif antara ketidakfungsian keluarga dengan kecenderungan mahasiswa tahun akhir untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah ( $r = .380, n = 125, p < 0.01$ ). Nilai korelasi 0.380 menggambarkan kekuatan hubungan yang berada pada tahap sederhana. Dapatan ini membuktikan bahawa tahap ketidakfungsian keluarga mempunyai perkaitan langsung dengan risiko tingkah laku mahasiswa. Semakin tinggi tahap ketidakfungsian dalam sesebuah keluarga, semakin tinggi kecenderungan mahasiswa tersebut untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Secara implikasinya, ketidakstabilan institusi kekeluargaan merupakan faktor penyumbang yang autentik terhadap kerapuhan pertahanan sendiri mahasiswa.

#### *Hubungan antara Kesan Penggunaan Media Sosial dengan Kecenderungan Mahasiswa Tahun Akhir Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah*

Seterusnya, kajian juga menilai perkaitan antara pengaruh media sosial dengan kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan responden yang sama. Berbeza dengan faktor kekeluargaan, hasil analisis korelasi Pearson mendapati tiada hubungan yang signifikan secara statistik antara kesan penggunaan media sosial dengan kecenderungan penyalahgunaan dadah ( $r = -.104, n = 125, p = .248, p > 0.01$ ). Nilai  $p$  yang melebihi aras signifikan ( $p > 0.01$ ) menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dalam konteks kajian ini tidak mempunyai pengaruh yang tekal atau signifikan terhadap kecenderungan mahasiswa tahun akhir untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Penemuan ini memberi isyarat bahawa faktor persekitaran digital mungkin tidak bertindak sebagai pencetus utama berbanding faktor-faktor primer lain seperti kestabilan keluarga.

#### *Pengaruh Ketidakfungsian Keluarga Terhadap Kecenderungan Mahasiswa Tahun Akhir untuk Terlibat dalam Penyalahgunaan Dadah*

Analisis regresi linear mudah telah dilaksanakan untuk menilai sejauh mana pemboleh ubah bebas (ketidakfungsian keluarga) bertindak sebagai peramal kepada pemboleh ubah bersandar iaitu kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir. Prosedur inferensi ini dijalankan dengan menetapkan tahap kesignifikanan pada aras  $p < 0.01$ . Perincian analisis ditunjukkan dalam Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4.

*Jadual 2. Ringkasan Model Regresi bagi Ketidakfungsian Keluarga*

<b>Model</b>	<b>R</b>	<b>R Kuasa Dua (<math>R^2</math>)</b>	<b><math>R_2</math> Laras Anggaran</b>	<b>Ralat Piawaian</b>
1.0	0.380	0.145	0.138	0.43171

Berdasarkan ringkasan model dalam Jadual 2, nilai korelasi berganda ( $R = 0.380$ ) menunjukkan wujudnya hubungan linear yang sederhana antara faktor ketidakfungsian keluarga dengan kecenderungan penyalahgunaan bahan. Seterusnya, nilai pekali penentuan ( $R^2 = 0.145$ ) membuktikan bahawa faktor ketidakfungsian keluarga menyumbang sebanyak 14.5% terhadap variasi dalam kecenderungan penyalahgunaan dadah mahasiswa. Baki 85.5% variasi dipengaruhi oleh faktor luaran lain yang tidak termasuk dalam model ini. Nilai  $R^2$  laras (0.138) dan ralat piawaian anggaran (0.43171) mengesahkan bahawa model ini mempunyai tahap kestabilan yang sederhana dalam menjelaskan perubahan pemboleh ubah bersandar.

*Jadual 3. Ujian ANOVA bagi Ketidakfungsian Keluarga*

<b>Model</b>	<b>Nilai F</b>	<b>Signifikan (p)</b>
1	20.805	< 0.001

Keputusan ujian ANOVA dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa model regresi yang dibina adalah signifikan secara statistik dengan nilai  $F = 20.805$  pada aras  $p < 0.001$ . Hasil ini membuktikan bahawa model regresi ini adalah kukuh, tekal, dan mempunyai keupayaan yang sah untuk meramal kecenderungan penyalahgunaan dadah berdasarkan tahap ketidakfungsian keluarga responden.

Jadual 4. Pekali Regresi bagi Ketidakfungsian Keluarga

Pemboleh ubah	B	Ralat Piawai	t	Sig
(Constant)	2.140	0.244	8.773	< 0.001
Ketidakfungsian Keluarga	0.398	0.087	4.561	< 0.001

Perincian mengenai kekuatan pengaruh pemboleh ubah bebas ditunjukkan dalam Jadual 4. Nilai pekali regresi tidak piawai ( $B = 0.398$ ) menunjukkan arah hubungan yang positif. Analisis ini menggambarkan, bagi setiap peningkatan satu unit dalam skala ketidakfungsian keluarga, ia akan mengakibatkan peningkatan kecenderungan penyalahgunaan dadah sebanyak 0.398 unit. Ujian-t bagi pekali ini ( $t = 4.561$ ,  $p < 0.001$ ) mengesahkan bahawa ketidakfungsian keluarga merupakan peramal yang signifikan secara statistik terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah.

Secara keseluruhannya, analisis ini menyokong dapatan bahawa ketidakfungsian keluarga mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir. Dapatan ini memberi implikasi bahawa kestabilan institusi kekeluargaan merupakan faktor pelindung yang signifikan dalam membendung risiko penglibatan mahasiswa dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan bahan.

## Perbincangan

Analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan dan sederhana antara ketidakfungsian keluarga dan kecenderungan mahasiswa tahun akhir terlibat dalam penyalahgunaan dadah ( $r = .380$ ,  $p < 0.05$ ). Nilai korelasi ini menunjukkan bahawa faktor keluarga bukan sekadar latar belakang sosial responden, tetapi berkait secara nyata dengan kecenderungan tingkah laku berisiko. Walaupun hubungan tersebut tidak berada pada tahap yang tinggi, ia cukup untuk menegaskan bahawa keluarga mempunyai peranan yang konsisten dalam membentuk kestabilan emosi dan arah perkembangan mahasiswa. Dalam konteks mahasiswa tahun akhir, dapatan ini penting kerana fasa akhir pengajian merupakan tempoh transisi yang sering disertai tekanan berkaitan pencapaian akademik, persediaan kerjaya dan ketidakpastian masa depan. Dalam keadaan tersebut, keluarga berfungsi sebagai sumber kestabilan emosi yang boleh mempengaruhi keupayaan mahasiswa untuk mengurus tekanan secara sihat. Sebaliknya, keluarga disfungsi menghalang daya tindak adaptif mahasiswa tahun akhir dalam tempoh transisi ini. Dapatan ini menyokong Velleman et al. (2005) yang menekankan bahawa suasana keluarga yang penuh konflik dan kurang sokongan boleh mewujudkan tekanan yang berpanjangan. Dalam kajian ini, konflik yang tidak diselesaikan, komunikasi yang tidak terbuka, dan kurangnya perhatian terhadap emosi berkait dengan peningkatan kecenderungan penyalahgunaan dadah. Penemuan ini selari dengan Rahman et al. (2021) dan Norulhuda et al. (2017), yang menunjukkan bahawa kelemahan fungsi keluarga menjejaskan keupayaan individu mengurus tekanan secara sihat.

Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan yang sederhana memberi ruang kepada tafsiran yang lebih berhati-hati. Ketidakfungsian keluarga bukanlah penentu tunggal yang secara automatik membawa kepada penyalahgunaan dadah. Terdapat responden yang berhadapan masalah keluarga tetapi tidak menunjukkan kecenderungan terhadap dadah. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat juga mahasiswa tahun akhir masih mampu mengekalkan kawalan diri dan penyesuaian psikologi walaupun berhadapan masalah keluarga, khususnya kerana mereka mempunyai sumber sokongan lain dalam persekitaran universiti.

Penemuan begini menunjukkan bahawa faktor keluarga berperanan sebagai asas yang membentuk kestabilan emosi jangka panjang, tetapi hasil akhirnya tetap dipengaruhi oleh faktor lain dalam persekitaran

individu. Penjelasan ini sejajar dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), yang melihat keluarga sebagai sebahagian daripada mikrosistem yang mempunyai pengaruh langsung terhadap perkembangan individu. Apabila sokongan dalam mikrosistem lemah, daya tahan emosi boleh terjejas. Namun, teori ini juga menegaskan bahawa individu sentiasa berada dalam interaksi dengan sistem lain. Sememangnya keluarga membentuk asas kecenderungan, tetapi tidak berfungsi secara terasing daripada konteks sosial yang lebih luas.

Berbeza dengan dapatan berkaitan faktor keluarga, analisis kajian ini tidak menunjukkan hubungan yang signifikan antara kesan penggunaan media sosial dan kecenderungan penyalahgunaan dadah ( $r = -.104$ ,  $p > .05$ ). Secara statistik, dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial tidak mempunyai hubungan langsung dengan kecenderungan tersebut dalam sampel kajian ini. Dapatan ini menarik kerana ia berbeza dengan beberapa kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa media sosial berpotensi mempengaruhi norma sosial dan persepsi terhadap tingkah laku berisiko. Sebagai contoh, kajian oleh Moreno et al. (2011) mendapati bahawa pendedahan kepada kandungan berkaitan alkohol dalam media sosial boleh membentuk persepsi bahawa tingkah laku tersebut adalah norma dalam kalangan rakan sebaya. Begitu juga, kajian oleh Hoffman et al. (2014) menunjukkan bahawa kandungan berkaitan penggunaan bahan dalam media sosial boleh mempengaruhi sikap dan jangkaan individu terhadap penggunaan bahan terlarang. Walau bagaimanapun, dapatan kajian yang dijalankan ke atas mahasiswa tahun akhir seperti kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan kepada kandungan media sosial tidak semestinya diterjemahkan kepada kecenderungan sebenar untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Dapatan ini mungkin dipengaruhi oleh corak penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa tahun akhir yang lebih tertumpu kepada tujuan akademik, pencarian maklumat kerjaya dan pembinaan jaringan profesional berbanding penglibatan dalam aktiviti sosial berisiko.

Justifikasi ini turut disokong oleh kajian lain. Nesi et al., (2018) mendokumentasikan bahawa pengaruh media sosial terhadap tingkah laku berisiko didapati bersifat tidak langsung dan bergantung kepada faktor psikososial lain seperti tekanan emosi, identiti diri dan pengaruh rakan sebaya. Oleh itu, walaupun media sosial boleh membentuk persepsi dan norma sosial berkaitan tingkah laku berisiko, ia tidak semestinya menjadi faktor penentu primer, iaitu faktor yang secara langsung mendorong individu untuk terlibat dalam masalah sosial. Bermakna, media sosial bukan faktor utama yang secara langsung membentuk kecenderungan penyalahgunaan dadah. Sebaliknya, kesannya mungkin bergantung pada konteks penggunaan serta keadaan psikososial individu. Tafsiran ini memberikan gambaran yang lebih seimbang tentang peranan media sosial dan mengelakkan kesimpulan yang terlalu umum mengenai ketiadaan pengaruhnya terhadap tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah.

Apabila kedua-dua dapatan dilihat secara bersama, satu pola yang lebih jelas dapat dikenal pasti. Ketidakefektifan keluarga menunjukkan hubungan yang signifikan, manakala media sosial tidak menunjukkan hubungan langsung. Perbezaan ini mencadangkan bahawa keluarga berperanan sebagai faktor asas yang membentuk kestabilan emosi jangka panjang, manakala media sosial lebih berperanan sebagai ruang yang boleh mengukuhkan atau melemahkan keadaan emosi tersebut. Dalam konteks ini, penjelasan Lazarus dan Folkman (1984) mengenai pengurusan tekanan menjadi relevan. Individu yang mengalami tekanan tanpa sokongan yang mencukupi mungkin mencari saluran alternatif untuk mengurangkan tekanan tersebut. Dalam persekitaran digital, proses ini boleh berlaku melalui penyertaan dalam komuniti tertentu atau pendedahan berulang kepada norma kumpulan termasuk tingkah laku berisiko dari ahli kumpulan. Teori Identiti Sosial oleh Tajfel dan Turner (1979) pula membantu menjelaskan bagaimana norma kumpulan boleh mempengaruhi cara individu menilai tingkah laku tertentu.

Namun, penting untuk ditegaskan bahawa interaksi ini tidak berlaku secara automatik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak semua mahasiswa yang datang daripada keluarga bermasalah atau aktif dalam media sosial menunjukkan kecenderungan terhadap penyalahgunaan dadah. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh sebenar terletak pada gabungan faktor dan keadaan individu, bukan pada satu pemboleh ubah tunggal. Dengan itu, kajian ini menyumbang kepada pemahaman bahawa risiko penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir lebih tepat difahami sebagai hasil interaksi antara faktor struktur jangka panjang (keluarga) dan faktor situasi harian (media sosial). Pembezaan ini membantu menjelaskan mengapa hanya satu faktor menunjukkan hubungan statistik yang signifikan, manakala faktor yang lain tidak. Pada sudut pandang berbeza, instrumen media sosial yang digunakan dalam kajian ini lebih menjurus kepada

pengukuran tempoh masa serta kesan penggunaan dan bukannya jenis kandungan yang ditonton atau dilayari, yang mungkin menjelaskan mengapa hubungannya tidak signifikan.

### *Cadangan kepada Intervensi Kerja Sosial dan Dasar Berkaitan Pendidikan Tinggi*

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa risiko penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa tahun akhir tidak boleh ditangani melalui pendekatan yang terpisah antara isu keluarga dan penggunaan media sosial. Oleh itu, intervensi kerja sosial di institusi pengajian tinggi perlu mengambil kira kedua-dua dimensi ini secara serentak.

Pertama, perkhidmatan kaunseling dan kerja sosial universiti perlu memberi perhatian khusus kepada mahasiswa yang menunjukkan tanda tekanan keluarga yang berpanjangan, walaupun mereka tidak menunjukkan masalah disiplin yang ketara. Kajian ini menunjukkan bahawa tekanan emosi akibat konflik keluarga boleh menjadi faktor awal yang mendorong mahasiswa mencari pengesahan sosial di ruang digital yang berisiko. Oleh itu, saringan awal terhadap kesejahteraan emosi dan hubungan keluarga boleh membantu mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan sokongan tambahan sebelum mereka terdedah kepada tingkah laku berisiko.

Kedua, intervensi literasi digital perlu diperluaskan daripada sekadar aspek keselamatan siber kepada pemahaman kritikal tentang norma sosial dalam talian. Mahasiswa perlu dibimbing untuk mengenal pasti bagaimana kandungan berulang dalam media sosial boleh membentuk persepsi terhadap sesuatu tingkah laku, termasuk penggunaan dadah. Dalam konteks kerja sosial, pendekatan pendidikan pencegahan boleh digabungkan dengan sesi refleksi berkumpulan yang membincangkan pengalaman sebenar mahasiswa terhadap tekanan keluarga dan pengaruh media sosial. Ini membolehkan mahasiswa melihat kaitan antara keadaan emosi mereka dan keputusan yang diambil.

Ketiga, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua mahasiswa yang mengalami masalah keluarga terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Ini menandakan kewujudan faktor pelindung seperti nilai peribadi, sokongan rakan dan penglibatan dalam aktiviti positif. Oleh itu, dasar pendidikan tinggi perlu memberi ruang kepada pembinaan komuniti kampus yang menyokong kesejahteraan emosi, termasuk program mentor rakan sebaya, kumpulan sokongan dan aktiviti pembangunan diri. Pendekatan ini selari dengan prinsip kerja sosial yang menekankan pengukuhan kekuatan individu dan jaringan sosial.

Dari sudut dasar, pihak pengurusan universiti juga perlu menilai semula andaian bahawa mahasiswa tahun akhir secara automatik lebih stabil dari segi emosi berbanding pelajar tahun awal. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tekanan menjelang tamat pengajian, digabungkan dengan masalah keluarga, boleh meningkatkan risiko tingkah laku berisiko. Oleh itu, program pencegahan penyalahgunaan dadah tidak seharusnya tertumpu kepada pelajar baharu sahaja, tetapi perlu dilaksanakan secara berterusan sepanjang tempoh pengajian. Selain itu, kerjasama antara universiti, agensi anti dadah dan perkhidmatan sosial komuniti perlu diperkukuh. Pendekatan yang bersepadu membolehkan intervensi bukan sahaja tertumpu kepada kes individu, tetapi juga kepada pendidikan komuniti kampus secara menyeluruh. Dalam konteks kerja sosial, pendekatan ini mencerminkan intervensi pada tahap mikro (sokongan individu), meso (kumpulan dan komuniti kampus) dan makro (dasar institusi). Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menegaskan bahawa intervensi yang berkesan memerlukan pemahaman menyeluruh tentang pengalaman emosi mahasiswa serta pengaruh persekitaran digital yang mereka hadapi. Tanpa mengambil kira kedua-dua dimensi ini secara bersama, usaha pencegahan berisiko menjadi terlalu umum dan kurang menyentuh punca sebenar yang dikenal pasti dalam kajian.

## **Kesimpulan**

Profil mahasiswa yang berisiko tinggi menunjukkan bahawa faktor ketidakfungsian keluarga memainkan peranan dalam membentuk kecenderungan ini. Walaupun tiada pengaruh langsung antara media sosial dengan kecenderungan penyalahgunaan dadah, namun kajian menjustifikasikan kesediaan faktor ini sebagai pendorong tidak langsung. Pendedahan kepada media sosial berupaya menjadi pemangkin kepada kecenderungan penyalahgunaan bahan melalui mekanisme normalisasi digital dan tekanan perbandingan

sosial. Paparan penggunaan bahan yang dianggap 'gaya semasa' seperti vape dengan perisa tertentu, penggunaan ubat penenang untuk hiburan atau dadah sintetik yang digambarkan sebagai gaya hidup moden boleh mengurangkan rasa takut dalam diri mahasiswa tentang bahaya dadah. Seterusnya algoritma media sosial boleh menyebabkan mahasiswa yang pernah mencari maklumat tentang cara menghilangkan tekanan atau cara atasi masalah tidur terdedah kepada iklan atau akaun yang menjual bahan terlarang secara tersirat. Platform media sosial yang mendedahkan mahasiswa kepada kandungan sub-budaya devian secara berterusan mampu menghilangkan persepsi negatif terhadap dadah rekreasi. Selain itu, kemudahan akses pasaran gelap digital di platform sosial, besar kemungkinan memudahkan mahasiswa untuk memperoleh bahan terlarang kerana semuanya boleh dilakukan menerusi media sosial. Manifestasi ini memerlukan pihak universiti mengintegrasikan literasi digital dan pemantauan siber dalam kerangka modul pencegahan dadah bagi menangani ancaman yang semakin bersifat maya ini.

Kesimpulannya, kecenderungan penyalahgunaan dadah dalam kalangan mahasiswa bukan sekadar isu disiplin individu, malah merupakan petanda kerapuhan dalam sokongan sistemik dan psikososial. Impak sistemik terhadap universiti merangkumi kemerosotan reputasi akademik, beban kewangan pengurusan, dan gangguan kepada persekitaran pembelajaran. Ia tidak hanya bermula apabila seseorang pelajar itu sah menjadi penagih, sebaliknya ia berakar umbi daripada profil risiko yang gagal dikesan di peringkat awal. Ketidakepekaan universiti dalam mengenal pasti dan menangani isu mahasiswa yang berada dalam zon risiko ini bukan sahaja menjejaskan reputasi institusi tetapi juga kualiti graduan. Penemuan daripada kajian ini mengukuhkan lagi pentingnya satu pendekatan holistik dan bersepadu dalam menangani isu penyalahgunaan dadah. Intervensi yang berfokus pada pengukuhan fungsi keluarga dan pendidikan literasi digital responsif terhadap cabaran media sosial perlu diberi keutamaan. Langkah ini dapat membantu mahasiswa menguruskan tekanan dengan lebih berkesan, seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap mekanisme penyelesaian masalah yang berisiko.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang memberikan kelebihan dalam mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah secara statistik. Namun, pendekatan ini juga mempunyai beberapa batasan yang perlu diambil kira. Salah satu kekangan utama ialah kekurangan eksplorasi mendalam. Kaedah kuantitatif cenderung memberikan gambaran umum melalui angka dan statistik, tetapi ia kurang menggambarkan pengalaman peribadi, motivasi serta dinamika emosi mahasiswa yang hidup dalam keluarga yang tidak berfungsi dengan baik. Pengalaman subjektif yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku tidak dapat diteroka sepenuhnya. Oleh itu dicadangkan untuk menjadi fokus utama penerokaan dalam kajian akan datang.

**Penghargaan:** Penghargaan kepada semua pihak yang membenarkan pengumpulan data kajian dijalankan.

**Penyataan Persetujuan termaklum:** Persetujuan termaklum untuk terlibat dengan kajian telah diperoleh daripada kesemua responden sebelum menjawab soal selidik.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji mengesahkan tiada konflik kepentingan dalam pelaksanaan kajian dan penulisan artikel ini.

## Rujukan

- AADK (2024). *Information on Drugs 2024*. National Anti-Drugs Agency, Ministry of Home Affairs.
- Abu, R., Setiawati, L., Agustina, S., Ramadhan, S. Y., & Khoerunnisa, L. (2024). Exploring the impact of social media usage towards mental health among university student in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8, 6354–6362. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.803479S>
- Adebayo, E. O., & Balogun-Agbaje, M. (2025). Impact of family dysfunction on adolescents' wellbeing: Examining poor communication, substance abuse, violence and neglect. *LASU Postgraduate School Journal*, 2(1).

- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2022). *Laporan statistik penagihan dadah Malaysia 2022*. Kementerian Dalam Negeri Malaysia. <https://www.adk.gov.my>
- Arria, A. M., Caldeira, K. M., Bugbee, B. A., Vincent, K. B., & O'Grady, K. E. (2013). The academic consequences of marijuana use during college. *Psychology of Addictive Behaviors, 27*(3), 847–856. <https://doi.org/10.1037/a0030878>
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. Harvard University Press.
- Chiang, W.L., Wu, H.Y., Yang, H.J., Chang, L.Y., Chen, W. J., & Chiang, T.L. (2025). Effect of household dysfunction in childhood on general health and depression in adolescence in Taiwan: A longitudinal birth cohort study. *Child Indicators Research, 18*, 1415–1431. <https://doi.org/10.1007/s12187-025-10236-8>
- Chie, Q. T., Tam, C. L., Bonn, G., Wong, C. P., Dang, H. M., & Khairudin, R. (2015). Drug abuse, relapse, and prevention education in Malaysia: Perspective of university students through a mixed methods approach. *Frontiers in Psychiatry, 6*, 65. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2015.00065>
- Coyer, S. M. (2001). Women in recovery discuss parenting while addicted to drugs. *MCN: The American Journal of Maternal/Child Nursing, 26*(5), 214–220. <https://doi.org/10.1097/00005721-200109000-00006>
- Curtis, B. L., Lookatch, S. J., Ramo, D. E., McKay, J. R., Feinn, R. S., & Kranzler, H. R. (2018). Meta-analysis of the association of alcohol-related social media use with alcohol consumption and alcohol-related problems in adolescents and young adults. *Alcoholism: Clinical and Experimental Research, 42*(6), 978–986. <https://doi.org/10.1111/acer.13642>
- Demetriou, C. (2025). Family functioning and adolescents' mental health problems: A mixed-methods analysis of community and clinical samples. *International Journal of Developmental Science, 19*(1–2), 5–15.
- Epstein, N. B., Baldwin, L. M., & Bishop, D. S. (1983). The McMaster Family Assessment Device. *Journal of Marital and Family Therapy, 9*(2), 171–180. <https://doi.org/10.1111/j.1752-0606.1983.tb01497.x>
- Griffiths, M. D., & Kuss, D. J. (2017). Social networking sites and addiction: Ten lessons learned. *International Journal of Environmental Research and Public Health, 14*(3), 311.
- Hadijah, B. (2021). Faktor-faktor penyumbang kecenderungan situasi berisiko tinggi dalam kalangan penagih dadah berulang yang mendapatkan rawatan dan pemulihan Cure & Care di Malaysia. *Kolokium Penyelidikan INTAN 2021*.
- Hanis Sofiyah Noor Azmi, & Faradillah Iqmar Omar. (2024). Penggunaan media sosial dan impaknya terhadap kesejahteraan emosi mahasiswa Muslim: Kajian di Universiti Islam Selangor. *Al-I'lam: Journal of Contemporary Islamic Communication and Media, 4*(1), 1–14. <https://doi.org/10.33102/jcicom.vol4no1.107>
- Hoffman, E. W., Pinkleton, B. E., Weintraub Austin, E., & Reyes-Velázquez, W. (2014). Exploring college students' use of general and alcohol-related social media and their associations with alcohol-related behaviors. *Journal of American College Health, 62*(5), 328–335. <https://doi.org/10.1080/07448481.2014.902837>
- Khalid, A., Pan, F., Li, P., Wang, W., & Ghaffari, A. S. (2020). The impact of occupational stress on job burnout among bank employees in Pakistan, with psychological capital as a mediator. *Frontiers in Public Health, 7*, 410. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2019.00410>
- Kuppens, S., Moore, S. C., Gross, V., Lowthian, E., & Siddaway, A. P. (2020). The enduring effects of parental alcohol, tobacco, and drug use on child well-being: A multilevel meta-analysis. *Development and Psychopathology, 32*(2), 765–778.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. Springer.
- Lindert, J., Arndt, S., Cook, N., Bain, P. A., & Kawachi, I. (2025). Positive and negative family relationships correlate with mental health conditions: A systematic review and meta-analysis. *Public Health Reviews, 46*, 1607381. <https://doi.org/10.3389/phrs.2025.1607381>

- Mahmoud, M., Alipour, F., Rafiey, H., Fallahi-Khoshknab, M., & Arshi, M. (2023). Challenges in addiction-affected families: A systematic review of qualitative studies. *BMC Psychiatry*, 23, Article 439. <https://doi.org/10.1186/s12888-023-04927-1>
- Mahyuddin, M. A., & Azizah, B. (2019). *Penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar: Satu kajian di Pusat Serenti Tiang Dua, Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof, N. S., Mohd Syafiq, S. N. S., Shameen, M. A., Anuar, A., Dino Affendi, A. I., & Fauzi, H. (2020). Social media indicate loneliness among teenagers. *e-Journal of Media and Society (e-JOMS)*, 4.
- Moreno, M. A., Jelenchick, L. A., Egan, K. G., Cox, E., Young, H., Gannon, K. E., & Becker, T. (2011). Feeling bad on Facebook: Depression disclosures by college students on a social networking site. *Depression and Anxiety*, 28(6), 447–455. <https://doi.org/10.1002/da.20805>
- Naslund, J. A., Bondre, A., Torous, J., & Aschbrenner, K. A. (2020). Social media and mental health: Benefits, risks, and opportunities for research and practice. *Journal of Technology in Behavioral Science*, 5(3), 245–257.
- Nasrullah, R. (2016). *Teori dan riset media siber (Cybermedia)*. Kencana Prenada Media Group.
- Nesi, J., Choukas-Bradley, S., & Prinstein, M. J. (2018). Transformation of adolescent peer relations in the social media context. *Developmental Psychology*, 54(5), 1035–1047. <https://doi.org/10.1037/dev0000516>
- Ng, S. K., & Omar, B. (2019). Effects of message, medium, and motivational factors on news engagement and mobile news consumption: Evidence from Malaysia. *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 13(3), e202325. <https://doi.org/10.30935/ojcm/13116>
- Nichols, L. M., Pedroza, J. A., Fleming, C. M., O'Brien, K. M., & Tanner-Smith, E. E. (2021). Social-ecological predictors of opioid use among adolescents with histories of substance use disorders. *Frontiers in Psychology*, 12, Artikel 686414. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.686414>
- Nurhamizah, H., & Razali, A. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibu bapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337–352.
- Phyu Aye, P. (2025). *A Study on Drug-Abused Rehabilitation School (Myittar San Eain Rehabilitation School)* [Tesis Sarjana, Yangon University of Economics].
- Quinde Reyes, M., Jiménez Bautista, F., Soria-Miranda, N., Oleas, D., Mascialino, G., Vera Ponce, I., & Rodas, J. A. (2025). Family and personal factors predisposing adolescents to substance abuse in high-risk urban areas. *PLOS ONE*, 20(11), e0334072.
- Rahman, M. S., Falahati, L., Alias, M. H., & Ismail, S. (2021). The role of financial behaviour, financial literacy, and financial stress in explaining the financial well-being of the B40 group in Malaysia. *Future Business Journal*, 7, Article 99. <https://doi.org/10.1186/s43093-021-00099-0>
- Romer, D., & Moreno, M. (2017). Digital media and risks for adolescent substance abuse and problematic gambling. *Pediatrics*, 140(Suppl. 2), S102–S106. <https://doi.org/10.1542/peds.2016-1758L>
- Rosana, A., & Fauzi, I. (2024). The role of digital identity in the age of social media: Literature analysis on self-identity construction and online social interaction. *Join: Journal of Social Science*, 1(4), 477–489.
- Rozanizam Zakaria. (2022). Addressing bullying from a clinical perspective. *The Health*, 6(51), 20.
- Shahnawaz, M. G., & Rehman, U. (2020). Social networking addiction scale. *Cogent Psychology*, 7(1), 1832032. <https://doi.org/10.1080/23311908.2020.1832032>
- Skidmore, C. R., Kaufman, E. A., & Crowell, S. E. (2016). Substance use among college students. *Child and Adolescent Psychiatric Clinics of North America*, 25(4), 735–753. <https://doi.org/10.1016/j.chc.2016.06.004>
- Stone, A. L., Becker, L. G., Huber, A. M., & Catalano, R. F. (2012). Review of risk and protective factors of substance use and problem use in emerging adulthood. *Addictive Behaviors*, 37(7), 747–775. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2012.02.014>
- Utami Niki, K., Rimulawati, V., & Saputra, N. (2024). Perilaku fear of missing out (FoMO) pada mahasiswa pengguna TikTok. *Innovative: Journal of Social Science Research*, 4(3), 5104–5114.

- Tuwei, P. C. (2014). *Influence of drug abuse on students' academic performance in public universities: A case of Uasin Gishu County, Kenya* (Master's thesis). University of Nairobi.
- Vasiliou, V. S., Dockray, S., Dick, S., Davoren, M. P., Heavin, C., Linehan, C., & Byrne, M. (2021). Reducing drug-use harms among higher education students: MyUSE contextual-behaviour change digital intervention. *Harm Reduction Journal*, 18, 56. <https://doi.org/10.1186/s12954-021-00491-7>
- Velleman, R., Templeton, L., & Copello, A. (2005a). The role of the family in preventing and intervening with substance use and misuse: A comprehensive review of family interventions, with a focus on young people. *Drug and Alcohol Review*, 24(2), 93–109. <https://doi.org/10.1080/09595230500167478>
- Velleman, R., Orford, J., Templeton, L., & Copello, A. (2005b). *Coping with alcohol and drug problems: The experiences of family members in three contrasting cultures*. Taylor & Francis.
- Zar Tun, N. (2025). *Assessing the Awareness on Tobacco, Alcohol, and Drug Use Among High School Students (Case Study: South Dagon Township, Yangon Region)* [Tesis Sarjana, Yangon University of Economics].
- Zakaria, E., Kamarudin, N. N., Mohamad, Z. S., Suzuki, M., Rathakrishnan, B., Bikar Singh, S. S., Ab Rahman, Z., Sabramani, V., Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2022). The Role of Family Life and the Influence of Peer Pressure on Delinquency: Qualitative Evidence from Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(13), 7846. <https://doi.org/10.3390/ijerph19137846>
- Zeng, X., & Tan, C. (2021). The relationship between the family functioning of individuals with drug addiction and relapse tendency: A moderated mediation model. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 18(2), 625.